

03 FEB 2002

Mahathir-Modal/I

ALIRAN MODAL DALAM PERSEKITARAN YANG BERGOLAK

Oleh: Salmu Hashim

NEW YORK, 3 Feb (Bernama) -- Malaysia kurang menderita berbanding negara-negara lain ekoran kegawatan ekonomi yang melanda Amerika Syarikat kerana ia tidak menghadapi masalah menguruskan aliran modal dalam persekitarannya yang berisiko minimum.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian pada bengkel Forum Ekonomi Dunia di sini Ahad.

Ekonomi Malaysia turut terjejas hanya disebabkan Amerika Syarikat adalah rakan dagangnya yang terbesar, katanya, "tetapi kami akan bertahan - dan apabila dunia sudah belajar mengawal pegganas, kami jangka akan dapat pulih lebih cepat dari yang lain, jika diizinkan Tuhan."

Perdana Menteri berkata pengurusan aliran modal boleh dilakukan dalam persekitaran yang tidak menggemari risiko - walaupun alirannya lebih kecil tetapi ia kurang gangguan.

Dalam pada itu, Malaysia akan menyuntik dana kerajaan, merangsangkan pelaburan tempatan, mengekalkan kadar simpanan 40 peratus daripada KDNK dan meminjam secara minimum dari luar, katanya.

Sementara perniagaan besar tidak suka akan campur tangan kerajaan, mereka menekan kerajaan supaya menerima globalisasi dan perjanjian antarabangsa, sistem perdagangan berasaskan peraturan dan penguatkuasaan peraturan dan perjanjian oleh kerajaan.

"Globalisasi sebenarnya membabitkan lebih banyak campur tangan kerajaan dalam perniagaan," katanya pada mesyuarat lima hari yang berakhir Isnin.

Hampir 2,700 ahli perniagaan, pemimpin politik dan tokoh terkemuka dari 106 buah negara menghadiri forum tahunan itu yang pertama kali diadakan di luar Davos, Switzerland.

Dr Mahathir, dalam gaya biasanya, berkata, "Kita diberitahu supaya menerima risiko, ia baik untuk kita. Tetapi apabila risiko menyebabkan perniagaan musnah, para penyokong risiko begitu cepat meminta kerajaan membantu mereka,"

Amerika Syarikat, juara perdagangan bebas, baru-baru ini telah menyelamatkan banyak syarikat multinasionalnya, terutama syarikat penerbangan, ekoran serangan pegganas di New York dan Washington pada 11 Sept lepas yang makin melemahkan ekonomi negara itu.

-- BERNAMA

SH AFY MOZ